

ISLAM DAN MALAYSIA BAHARU



ندوة العلماء للنهضة الجديدة

PANEL PENYELIDIKAN NUNJI

272
SL



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA

ISLAM DAN KENEGARAAN
ISLAM DAN
MALAYSIA BAHARU



PUSTAKA PERDANA



1012380



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

297.272



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA

ISLAM DAN KENEGARAAN
ISLAM DAN
MALAYSIA BAHARU

PANEL PENYELIDIKAN NUNJI

Semoga Ayahanda Tun
Dr Mahathir sentiasa
dalam Rahmat Allah.
Zollhawnain Abidin
Pengurus Akademi Nunji.

Jelika

AKADEMI NUNJI

2020

9-12-2019.



ISLAM DAN KENEGARAAN: ISLAM DAN MALAYSIA BAHARU

Hak Cipta Terpelihara @ Akademi NUNJI, 2020

Hak Cipta Penerbitan @ Akademi NUNJI, 2020

Terbitan Pertama, 2020

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

AKADEMI NUNJI BERHAD (1316571-A)
No. 11-1 Jalan D'Alpinia 10, Taman D'Alpinia
47120 Puchong, Selangor, MALAYSIA
Facebook: www.facebook.com/akademinunji/
Email: akademi.nunji@gmail.com
Website: www.nunji.org
Tel: +603-5888 8899

Diurus terbit oleh:
IB MEDIA PLT (LLP0001499-LGN)
No. 94 (G), Jalan Nilai Square 3, Nilai Square
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

ISBN: 978-967-17715-2-5

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	vii
PRAKATA	ix
Pengenalan	xi
BAHAGIAN 1: MAQASID AL-SHARI'AH TERAS NEGARA BANGSA	1
Negara Madani Dalam Kerangka Maqasid al-Shari'ah	3
Daulat Rakyat dan Martabat Umat: Menilai Kepentingan Fiqh Pemberdayaan (Fiqh al- Tamkin)	33
Hidup Bersama Dalam Kepelbagaian: Islam dan Budaya Damai	50
BAHAGIAN 2: MENGISI KEMENANGAN MEMARTABATKAN ISLAM	69
Gagasan Rahmatan Lil 'Alamin Dalam Malaysia Baharu	71
Rasisme & Malaysia Baharu: Ke Mana Arah Kita?	95
Merakytakan Maqasid al-Shari'ah: Tanda Aras dan Pelan Tindakan	107





KATA PENGANTAR

Pertamanya saya ingin merakamkan tahniah kepada Akademi NUNJI yang telah berjaya menghasilkan siri Islam dan Kenegaraan yang bertemakan “Islam dan Malaysia Baharu”. Selama ini ramai dari kalangan orang awam amnya bertanya rujukan buku-buku yang dapat mengisi keperluan minda mereka tentang topik Islam dan Kenegaraan. Hari ini Akademi NUNJI telah berjaya mengisi sebahagian dari keperluan tersebut dan diharapkan ia bermanfaat.

Buku ini perlu menjadi bahan pengisian dalam program Tanweer (pencerahan) yang dapat menjelaskan panduan Islam dalam keperluan siasah dan kenegaraan. Masyarakat pada hari ini perlu melengkapkan diri dengan ilmu mengenai Islam dan Kenegaraan supaya mereka dapat membangunkan diri menjadi seorang warganegara yang baik dan berjiwa nasional.

Kerajaan pada hari ini komited menyebarkan fahaman *maqasid al-shari'ah* dan gagasan Rahmatan Lil 'Alamin, satu gagasan yang berteraskan falsafah terbesar di sebalik pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. Perkataan 'RAHMAH' itu boleh diakronimkan untuk memudahkan masyarakat awam memahami dan mengingatnya iaitu Rahmah, Aman, Harmoni, Mesra, Alami dan Hormat. Gagasan ini amat penting untuk negara khususnya dalam menyelesaikan isu perkauman dan jurang kaum yang semakin melebar. Buku ini juga mempunyai nilai tambah apabila ia menetengahkan

kupasan yang lebih praktikal tentang isu kenegaraan dalam konteks *maqasid al-shari'ah*.

Saya mengharapkan usaha berterusan daripada Akademi NUNJI untuk menghasilkan lebih banyak buku dalam siri-siri lain untuk dikembangkan lagi ide Islam yang progresif, inklusif dan kontemporari.

DATUK SERI DR MUJAHID BIN YUSOF
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

PRAKATA

Alhamdulillah serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w atas segala nikmat yang dikurniakan ke atas kita semua. Alhamdulillah juga kepada segala usaha yang kita curahkan untuk mencapai maksud perjuangan Akademi NUNJI iaitu membawa Rahmat Ke Sekalian Alam (Rahmatan Lil 'Alamin).

Buku yang berada di tangan anda ini adalah salah satu usaha untuk memberi pengisian kepada keperluan kefahaman politik baharu dengan meletakkan ide Islam sebagai teras. Asas ide sebahagian penulisan menjadikan Islam di satu pihak dan realiti di satu pihak yang lain, akhirnya watak antagonis dalam menafsir realiti yang dihadapi.

Buku ini membawa ide bahawa Islam dan realiti kenegaraan seperti demokrasi, kepelbagaian dan pelaksanaan undang-undang Islam tidak semestinya berlawanan tetapi adalah satu dalam istilah yang berbeza. Apa yang menjadi titik pertemuan ialah ruh dan *maqasid* ide-ide demokrasi dan sebagainya yang menjadi perhatian. Selain itu, penekanan terhadap konsep Rahmatan Lil 'Alamin dan *maqasid al-shari'ah* dalam realiti kenegaraan juga turut di ambil kira dalam konteks Malaysia pada hari ini yang mempunyai latar belakang warganegara yang berbilang kaum dan agama.

Diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan perbincangan di dalam program seperti Tanweer (pencerahan) kepada aktivis politik atau NGO.

Terima kasih kepada para penyumbang artikel-artikel dalam buku ini dan panel penyelidikan Akademi NUNJI yang telah menyunting dan berjaya menyiapkan buku yang cukup penting ini. Semoga usaha mereka diberkati dalam memenuhi keperluan ide-ide baru yang menggarap persoalan politik semasa.

ZOLKHARNAIN BIN ABIDIN
Pengerusi Akademi NUNJI

PENGENALAN

Semenjak Nadwah Ulama' li al-Nahdhah al-Jadidah (NUNJI) dilancarkan, beberapa siri Konvensyen NUNJI telah diadakan bagi mewacanakan pemikiran kenegaraan dalam kerangka Islam. Justeru buku yang berada di tangan anda ini merupakan kompilasi artikel prosiding dan kertas kerja yang dikumpulkan dari siri konvensyen-konvensyen yang dianjurkan oleh Akademi NUNJI sebelum ini.

Akademi NUNJI komited untuk menerbitkan penulisan-penulisan yang bersesuaian dengan kehendak gagasan Islam yang rahmah, progresif dan inklusif dengan menjadikan prinsip *maqasid al-shari'ah* sebagai terasnya.

Buku ini dimulakan dengan tema perbincangan mengenai "Negara Madani Dalam Kerangka Maqasid al-Shari'ah" karangan Dr Jasser Auda sebagai artikel pertama dalam tema "Maqasid al-Shari'ah Teras Negara Bangsa". Artikel ini menggarap situasi di Timur Tengah yang sedang mengalami krisis kenegaraan serta kemanusiaan pasca *Arab Spring*. Penulis memberikan panduan bagaimana *maqasid al-shari'ah* dapat menyelesaikan krisis ini demi pembentukan sebuah negara madani (sivil) yang berasaskan undang-undang Islam.

Artikel "Daulat Rakyat Dan Martabat Umat: Menilai Kepentingan Fiqh Pemberdayaan (Fiqh Al-Tamkin)" oleh Dr Siddiq Fadzil pula mempersembahkan pencerahan kerangka berkaitan kepentingan pemberdayaan ummah berasaskan

petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah dan dengan cara yang benar demi mengangkat daulat rakyat dan umat. Beliau menekankan kepentingan kedaulatan rakyat dalam sesebuah negara supaya tidak terjerumus ke dalam sesuatu yang boleh mengancam negara.

Dr Siddiq Fadzil dalam artikel seterusnya pula membincangkan peri pentingnya budaya damai dalam kepelbagaian masyarakat majmuk di Malaysia. Artikel bertajuk “Hidup Bersama dalam Kepelbagaian: Islam dan Budaya Damai” ini menggarap bagaimana roh Perlembagaan Madinah harus dijadikan model dan acuan pembinaan bangsa dan masyarakat Malaysia dalam sebuah realiti kemajmukan.

Tema kedua iaitu “Mengisi Kemenangan Memartabatkan Islam” dimulakan dengan tulisan oleh Dr Mujahid Bin Yusof yang bertajuk “Gagasan Rahmatan Lil ‘Alamin Dalam Malaysia Baharu”. Tulisan ini mengupas konsep Rahmatan Lil ‘Alamin serta aplikasinya dalam Malaysia Baharu. Artikel ini turut memecahkan polemik yang wujud tentang persoalan adakah rahmah meliputi orang Islam sahaja atau mencakupi selainnya.

Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin pula dalam tulisannya “Rasisme & Malaysia Baharu” telah membincangkan perihal rasisme yang wujud dalam masyarakat di Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan menyorot pandangan Islam yang menentang rasisme. Tulisan beliau diakhiri dengan beberapa solusi penting yang diharap dapat membendung gejala rasisme yang wujud dalam sebahagian masyarakat.

Artikel yang terakhir bertajuk “Merakyatkan Maqasid al-Shari’ah: Tanda Aras Dan Plan Tindakan”. *Maqasid al-shari’ah* sering dilihat sebagai suatu disiplin ilmu yang tinggi dan sukar difahami oleh masyarakat awam. Justeru, tulisan oleh Dr Daud Bakar ini memberikan pelbagai dimensi dan

mengubah cara pandang terhadap *maqasid al-shari'ah* ke arah merakyatkan ilmu ini.

Diharapkan semua pihak dapat mencambahkan fikiran mereka hasil dari pembacaan buku ini, dan seterusnya membina satu lanskap baru di dalam cara mereka melihat prinsip Islam dan kenegaraan.

PANEL PENYELIDIKAN AKADEMI NUNJI



BAHAGIAN 1:
**MAQASID AL-SHARI'AH TERAS
NEGARA BANGSA**





NEGARA MADANI DALAM KERANGKA MAQASID AL- SHARI'AH

Prof Dr Jasser Auda¹

Mukaddimah: Krisis Kemanusiaan dan Krisis Kenegaraan

Kedengaran laungan slogan “Rakyat ingin kerajaan tumbang” serta tempikan ‘*roti*’ – simbolik kepada kekurangan bekalan dan kemiskinan kualiti makanan asasi Timur Tengah –, serta laungan “kebebasan dan keadilan”. Itulah gambaran kemahuan masyarakat marhaen di sebahagian negara-negara Arab yang turun berdemonstrasi dalam merealisasikan impian mereka untuk memperoleh kebebasan di dalam politik, sosial serta sistem ekonomi yang lebih baik pada tahun 2011. Masyarakat Arab khususnya dikejutkan dengan kejatuhan beberapa nama besar yang menguasai pucuk pimpinan yang berdekad lamanya berkuasa hanya selepas beberapa hari rakyat turun berdemonstrasi di jalanan. Kegembiraan dikongsi, semangat dan kejayaan tersebut diraikan, malahan negara dari Timur ke Barat turut dilihat belajar dari Arab Spring lantas berharap mampu mengatur langkah mengikuti jejak langkah kejayaan revolusi berkenaan.

Mimpi indah tersebut telah berlarutan selama beberapa bulan sehingga sesetengah masyarakat percaya bahawa

¹ Dr Jasser Auda merupakan Presiden di Maqasid Institute Global.

situasinya seperti digambarkan oleh peribahasa Arab: ‘bunga melur mampu meleburkan senjata’, ‘semangat keamanan adalah lebih kuat daripada peluru’ dan ‘musim bunga telah tiba selepas musim sejuk’. Seheinggakan sesetengah percaya setelah beberapa pilihan raya kecil diadakan dengan terburu-buru, *over optimism* dalam perebutan kuasa ditambah reaksi membabi buta segelintir pihak bahawa bangkit mendakwa, “Usaha Islamisasi – versi mereka – sudah berjaya menampakkan hasil” lalu “*Ustaziyat al-‘Alam* (ketuanan global) adalah tujuan kita yang seterusnya” dan sebagainya.

Namun begitu, impian tersebut nyata sebenarnya berlawanan dengan hakikat, serta fakta telah mendedahkan fantasi. Namun telah terlewat, barulah disedari bahawa rupanya regim kediktatoran dan kezaliman telah mengakar dan merebak di dalam masyarakat dan ianya tidak mudah untuk dicabut atau dihapuskan begitu saja. Slogan “Keadilan Sosial” pula dilihat lebih dekat dengan khayalan berbanding kenyataan. Kita boleh mengamati, negara Arab hanyalah semata-mata rantau yang telah dicorakkan untuk memenuhi keperluan serta kepentingan sesetengah pihak. Mereka ini mendominasi kuasa wang dan juga kuasa ketenteraan di setiap negara. Setiap kumpulan tersebut sering kali dilihat tidak teragak-agak memanipulasi semua mekanisme yang ada termasuk kekuatan tentera kerajaan atau bukan kerajaan tanpa bagi tujuan menindas rakyat sendiri tanpa ada rasa belas kasihan. Tiada ihsan dan kemanusiaan pada riak wajah mereka ketika berhadapan dengan rakyat yang bangkit memperjuangkan perubahan, menentang kediktatoran dan memerangi rasuah, selain kebebasan dan perjuangan hak-hak yang dirampas pemerintah. Meskipun kekerasan yang sama sepatutnya digunakan untuk menentang kezaliman pemerintah. Adalah jelas bahawa regim yang memerintah sesebuah negara itu dan juga kuasa antarabangsa tidak mahu

dan tidak sekali-kali akan membenarkan negara-negara Arab menjadi sebuah negara demokrasi dan harmoni. Malah mereka sanggup berhabisan wang, mengorbankan jiwa, material dan perang saraf untuk membendung perkara tersebut daripada menjadi kenyataan.

Apa yang jelas kesimpulan daripada reformasi dan perubahan lanskap sejak 2011 – dalam konteks perbincangan buku ini – adalah menggambarkan situasi yang lebih buruk telah terzhahir hari ini berbanding sebelum revolusi tahun 2011 dari segi kebajikan dan kepentingan rakyat, hak kemanusiaan, politik, keselamatan, ekonomi serta agama. Walaupun bangsa Arab berdekad lamanya memendam amarah terhadap kezaliman pemerintah, namun mereka masih lagi berkuasa dengan ditongkat oleh sebahagian masyarakat lain dengan sebab kepentingan masing-masing. Maka lahir dua kumpulan dalam kalangan masyarakat dalam menggerakkan agenda revolusi negara sementara semangat revolusi rakyat masih membuak-buak. Wujudlah pendekatan berbeza: perjuangan dalam keharmonian atau *silmiiyyah* dan puak dengan matlamat sama tetapi cenderung kepada pendekatan keganasan atau *al-'unf*.

Revolusi Arab atau *Arab Spring* lahir melalui dua kaedah utama yang berbeza dan kedua-duanya adalah dibuktikan tidak berkesan. Kaedah pertama adalah menggunakan pendekatan keamanan yang telah mengorbankan ramai anak muda Arab yang terbaik, pintar dan paling berharga di dunia Arab serta negara Islam yang lain di dalam matlamat untuk mencapai impian revolusi yang tidak mengguna pakai plan strategik yang boleh memastikan kebaikan dan pembetulan dibuat secara realiti, situasi ini adalah sangat ganjil. Cara yang kedua adalah revolusi melalui keganasan ekstrem iaitu melibatkan perbuatan jenayah, dengan menjadikan orang Barat sebagai mangsa *terrorism* di serata dunia, perpecahan kekeluargaan



dan monopoli ekonomi golongan ekstremis agama. Semua perkara tersebut kemudiannya hanya memberi faedah kepada musuh Islam dan bukan orang Arab dan kemanusiaan seluruh dunia. Walaupun aktiviti keganasan yang dilakukan oleh kumpulan ini adalah jelas seperti matahari yang menyinari alam, namun para pengikut kumpulan ini masih tega dan senang hati menggelarkan diri mereka dengan menggunakan “pergerakan negara Islam” dan “*khilafah* Islam”. Hal ini amat menghairankan.

Revolusi 2011 telah mengajar kita suatu perkara yang sangat penting iaitu kita sering salah di dalam meletakkan pengharapan dalam usaha mencipta perubahan sejarah yang bermakna, pantas dan kekal. Perubahan yang diharapkan berlaku dalam dunia Islam hari ini tidaklah mudah dan pantas sekelip mata boleh berlaku memandangkan terdapat beberapa halangan besar yang perlu kita ubah dan perbaiki terlebih dahulu. Saya berpandangan bahawa cabaran yang paling utama adalah: Pertama, cabaran memperbaiki atau mengubah struktur pembinaan manusia itu sendiri; Kedua, cabaran perubahan dalam pembinaan sebuah negara.

Justeru dalam kita berbincang mengenai soal kemanusiaan, kajian dan tinjauan membuktikan bahawa kita bakal menghadapi cabaran besar dalam mengubah masyarakat sudut perubahan yang melibatkan isu pendidikan, budaya, ideologi dan aliran, karier, etika, agama, kesihatan, sosial. Misi islah atau reformasi politik separuh masak atau tidak berstruktur di dalam piramid politik (iaitu sistem piramid yang tertinggi) tidak akan mengubah kezaliman. Walaupun kejayaan revolusi itu disokong dengan kotak undi dan tidak akan kekal selamanya tanpa sokongan dan kemajuan dari aspek pendidikan, moral, budaya, pekerjaan, kesenian. Maka jelas di sini perubahan berstruktur dengan tunjang yang baik dan kukuh sahaja mampu menyokong serta

memberi makna kepada sesebuah perjuangan reformasi politik serta memastikan perubahan itu baik dan berkekalan. Kemiskinan, kejahilan dan penyakit adalah cabaran sebenar kepada sebuah reformasi. Ia tidak akan dapat dilaksanakan di mana-mana negara selagi mana ketiga-tiga isu tersebut masih membelenggu masyarakat serta tidak dapat ditangani dengan baik. Dengan wujudnya kefakiran, masyarakat hilang prinsip, nilai dan kemuliaan. Kerana kejahilan – dan rendah kadar literasi – tercabut kewarasan, hikmah, faham nilai dan faham agama. Oleh sebab penyakit terhakis kemuliaan, harta dan makna kehidupan. Oleh itu, apa yang kita perlukan adalah revolusi dan reformasi akhlak, pemikiran dan tamadun untuk dipasak sedalam-dalamnya ke dalam benak setiap individu yang membentuk sebuah masyarakat. Kemudian dari situ diperkasakan pula agensi, badan atau gerakan sivil-madani yang menjadi penerus kepada agenda perubahan politik yang diharapkan.

Kemudian jika menyentuh kata *ad-Daulah* di dalam konteks dunia Arab, ia membawa kepada gambaran struktur terkini yang mempunyai cabaran utama iaitu tidak bersistematik yang kronik, cenderung memberi sokongan kepada diktator dan menghalalkan semua bentuk penyelewengan. Kesemua ini bermula dari *fanatism* dan pemikiran jumud kepada pegangan falsafah makna sempadan sesebuah negara adalah sempadan politik (Sykes-Picot, Remo dan Lausanne²)

² Dua menteri masing-masing Perancis dan Britain iaitu Francis George Picot dan Mark Sykes suatu masa dahulu membuat perjanjian sulit pada tahun 1916 dengan persetujuan dari empayar Rusia pada masa itu untuk membahagikan Tunisia dan Maghribi serta bumi Syam antara negara Perancis dan Britain. Ia dapat dihidu oleh blok komunis lantas mereka mengisytiharkan perjanjian bahawa apabila mereka memerintah Russia satu tahun selepas itu, yang menimbulkan kemarahan negara-negara Arab, tetapi rancangan pembahagian itu berjalan di depan dalam Persidangan San Remo pada 1920 dan selepas dengan beberapa perjanjian lain seperti Perjanjian Lausanne pada 1923. perjanjian-perjanjian ini telah menimbulkan sempadan yang muncul buat kali pertama dalam sejarah. Ia merupakan sempadan baru bagi negara Iraq, Syria,



Buku yang berada di tangan anda ini adalah salah satu usaha untuk memberi pengisian kepada keperluan kefahaman politik baharu dengan meletakkan ide Islam sebagai teras. Asas ide sebahagian penulisan menjadikan Islam di satu pihak dan realiti di satu pihak yang lain, akhirnya watak antagonis dalam menafsir realiti yang dihadapi.

Buku ini membawa ide bahawa Islam dan realiti kenegaraan seperti demokrasi, kepelbagaian, kemiskinan, pemerintahan dan pelaksanaan undang-undang Islam tidak semestinya berlawanan tetapi adalah satu dalam istilah yang berbeza. Apa yang menjadi titik pertemuan ialah ruh dan *maqasid* ide-ide demokrasi dan sebagainya yang menjadi perhatian. Selain itu, penekanan terhadap konsep Rahmatan Lil 'Alamin dan *maqasid al-shari'ah* dalam realiti kenegaraan juga turut di ambil kira dalam konteks Malaysia pada hari ini yang mempunyai latar belakang warganegara yang berbilang kaum dan agama.



ندوة العلماء للنشر والتوزيع

